

**MINIT MESYUARAT SPECIAL INTEREST GROUP
PUSTAKAWAN / PEGAWAI SISTEM (SIG PPS) 2/2010**

Tarikh : **24 November 2010**
Hari : **Rabu**
Masa : **9.00 pagi – 1.00 petang**
Tempat : **Bilik Mesyuarat
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
(UIAM), Gombak**

Yang Hadir :

Pn. Nooraini Ismail
En. Shaifol Yazam Mat (UPM)
Pn. Sarifah Abdullah (UIAM)
En. Muizzudin Kaspol (UPM)
En. Haslan Tamjehi (UM)
En. Hamdan Hassan (USM)
Pn. Nor Asikin Mohamad (UTM)
En. Mohd Helmi Masor @ Mansor (USIM)
Pn. Wizana Abdul Jalil (Utem)
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)
En. Mohd Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM)
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)
Pn. Noor Azimah Nawawi (MMU)
En. Syed Mohamad Helmy Md. Akhir (UMT)
En. Hazmir Hj. Zainal (UKM)

- Ketua Pustakawan UIAM (Perasmii)
- Pengerusi

- Setiausaha

Tidak Hadir :

En. Ku Azhar Ku Saud (UUM)
En. Ahmad Nazri Jaafar (UiTM)
Pn. Amelia Hasan (UMP)
Pn. Siti Sumaizan Ramli (UNIMAS)
En. Mohd Shahrul Annuar Alawi (UniMAP)
En. Rozman Che Ross (UPSI)
En. Ahmad Faisal Ishak (UTHM)
En. Ahmad Abdul Wafi Abd Karim (UPNM)
En. Ahmad Munawar Mohmad Anuar (OUM)
En. Sabaruddin Mamat (UMS)
Pn. Rosnorzaini Rusli (UDM)
Wakil UNiKL

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 2.10.01	ALUAN PENGERUSI		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah. Pengerusi mengalu-alukan kedatangan ahli mesyuarat dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pustakawan UIAM, Puan Nooraini Ismail atas kesudian merasmikan Mesyuarat SIG PPS 2/2010. Penghargaan juga diberikan di atas kehadiran Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat SIG PPS 2/2010.	Makluman	
MINIT 2.10.02	MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT SIG PPS 1/2010		
	Mesyuarat bersetuju untuk menjadikan catatan perbincangan Mesyuarat Khas SIG PPS pada 21/6/2010 di PSAS, UPM sebagai Minit Mesyuarat 1/2010. Mesyuarat bersetuju untuk mengesahkan Minit Mesyuarat SIG PPS 1/2010.	Makluman	
MINIT 2.10.03	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
MINIT 2.10.03.1	Pembelian Server Baru PERPUN Pengerusi memaklumkan bahawa server baru PERPUN telahpun diterima pada 14/10/2010 lepas. Instalasi OS telah siap dilaksanakan, manakala data masih belum dipindahkan lagi. Mesyuarat dimaklumkan bahawa dua server yang diperuntukkan ditempatkan di dua lokasi iaitu (1) di IDEC, UPM (2) di Cyberjaya. Tujuan penempatan berbeza adalah bagi mengelakkan kesesakan pada rangkaian dan memudahkan <i>live update</i> dilakukan. Pengguna luar akan mengakses dari server di Cyberjaya, manakala kemaskini dilakukan kepada server di UPM.	Makluman	

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 2.10.03.2	<p><i>"On-job attachment"</i></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa senarai matrik yang dikumpulkan tidak lagi terkini dari segi maklumat yang dikumpulkan. Ini memandangkan banyak perubahan dari segi aplikasi sistem, tambahan/perubahan keanggotaan dan beberapa maklumat terkini yang perlu dimasukkan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Borang Matrik bagi meninjau kekuatan ahli diedarkan lagi kepada semua ahli untuk dikemaskini.</p> <p><u>Nota:</u> Senarai matrik ini akan menjadi panduan kepada semua ahli bagi membantu perpustakaan-perpustakaan ahli merancang program latihan secara "on-job attachment" bagi menentukan organisasi yang sesuai.</p>	<p>Makluman</p> <p>Setiausaha</p> <p>Makluman</p>	
MINIT 2.10.03.3	<p>Pembangunan Repositori Institusi (IR) menggunakan perisian akses terbuka (opensource)</p> <p>Mesyuarat bersetuju perbincangan lanjut diadakan berkaitan dengan pembangunan IR dengan disertai oleh wakil-wakil daripada UPM, UKM, UIAM, UM, UTM, MMU, UUM dan UNIMAP sebagai Jawatankuasa Pelaksana IR untuk dilaporkan kepada PERPUN.</p>	UPM, UKM, UIAM, UM, UTM, MMU, UUM, UNIMAP	

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 2.10.04	PORTAL MYUNINET (PERPUN)		
MINIT 2.10.04.1	<p>Pembentangan Format Baru Paparan Portal MyUNINET PERPUN</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa akaun DNS akan tamat pada 6/12/2010. Pembaharuan alamat DNS tidak akan dibuat lagi kerana domain baru akan berada di bawah xxx.upm.edu.my.</p> <p>Demo paparan (layout) baru Portal oleh UPM kepada semua ahli Mesyuarat. Ahli mesyuarat telah memberi maklumbalas, cadangan dan pandangan berkaitan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Semua Ketua Pustakawan akan mendapat <i>ID Super Admin</i> (b) Pustakawan / Pegawai Sistem akan diberikan ID Admin Universiti (c) <i>ID user</i> – untuk view sahaja (d) Supaya opsyen laporan (reporting option) terbuka kepada semua ahli dan penambahbaikan dari segi jenis laporan dibuat. Contoh: "Most viewed ..", "Most downloaded ..", dan sebagainya. (e) Muat naik ke dalam sistem akan dilakukan oleh Admin Universiti (f) Format fail untuk dimuat naik adalah fail teks sahaja (text files). <p>Dari segi dokumentasi sistem, Mesyuarat bersetuju:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) UPM menyediakan panduan / dokumentasi bagi proses muat naik rekod. (b) Manual/dokumentasi berkaitan akan diberi kepada semua ahli (admin) untuk diujicuba dan diberi maklumbalas. 	Sekretariat Portal	UPM

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 2.10.04.2	<p>Direktori Pustakawan PERPUN (IPTA, IPTS dan GLC)</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk mewujudkan direktori Pustakawan PERPUN yang meliputi semua IPTA, IPTS dan GLC di dalam Portal MyUNINET</p> <p>Mesyuarat bersetuju:</p> <p>Semua ahli SIG PPS mendapatkan maklumat pustakawan di institusi masing-masing dan menyalurkan kepada sekretariat Portal. Maklumat yang perlu disediakan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Nama pustakawan (b) Jawatan (c) Kelulusan (d) Telefon pejabat / telefon bimbit (e) Bahagian (f) Email (g) Gambar 	<p>Sekretariat Portal</p> <p>Semua Ahli</p>	
MINIT 2.10.04.3	<p>Penambahbaikan MyULIS</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa berdasarkan perbincangan yang telah diadakan di UMT (di dalam Mesyuarat MOLEC, beberapa penambahbaikan kepada MyULIS telah dicadangkan. Isu-isu berkaitan akses kepada pangkalan data juga turut dibangkitkan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju isu-isu dan permasalahan berkaitan dengan sistem perlu diperbincangkan dengan lanjut.</p>	<p>Makluman</p> <p>Pengerusi</p>	
MINIT 2.10.05	Perlantikan Pengerusi / Setiausaha Baru SIG PPS Januari 2011 – 2013		
	<p>Pengerusi telah memohon pandangan dan cadangan daripada semua ahli.</p> <p>Mesyuarat sebulat suara bersetuju jawatan Pengerusi disandang oleh Puan Sarifah Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan UIAM berdasarkan pengalaman dan keterlibatan beliau di dalam SIG PPS. Mesyuarat juga bersetuju memilih Encik Ahmad Abdul Wafi Abd Karim dari Perpustakaan UPNM sebagai Timbalan Pengerusi.</p>		

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
	Bagi jawatan Setiausaha, Mesyuarat bersetuju memilih Encik. Muizzudin Kaspol (PSAS, UPM). Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha yang telah dipilih dan dipersetujui sebulat suara oleh ahli Mesyuarat.	Makluman	
MINIT 2.10.06	Hal-Hal Lain		
MINIT 2.10.06.01	Mesyuarat bersetuju supaya catatan perbicangan berkaitan dengan penambahbaikan MyULIS di emailkan kepada para ahli untuk perbincangan lanjut dalam Mesyuarat akan datang.	Pengerusi	Mesyuarat akan datang
MINIT 2.10.06.02	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan Setiausaha SIG PPS sesi lepas atas sumbangan yang diberikan. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua ahli. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dan akan disambung pada sebelah petang dengan sesi pembentangan oleh Perpustakaan UIAM.		

Disediakan oleh :

 Hazmir Hj. Zainal
 Setiausaha

Disahkan oleh :

 Tn. Hj. Shaifol Yazam Mat
 Pengerusi

[salinan elektronik tidak memerlukan tandatangan]